



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI
MAC 2023

PULAU PINANG, JOHOR DAN SELANGOR KEKAL SEBAGAI
PENGEKSPORT UTAMA MENYUMBANG SEBANYAK 70.2 PERATUS
DARIPADA JUMLAH EKSPORT NEGARA PADA MAC 2023

PUTRAJAYA, 28 April 2023 – Pulau Pinang, Johor dan Selangor kekal sebagai pengeksport utama menyumbang sebanyak 70.2 peratus daripada jumlah eksport negara pada Mac 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI, MAC 2023**. Jumlah dagangan Malaysia pada bulan Mac 2023 bernilai RM232.7 bilion (-1.6% tahun ke tahun) dengan nilai eksport RM129.7 bilion (-1.4% tahun ke tahun) dan import bernilai RM103.0 bilion (-1.8% tahun ke tahun).

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata prestasi eksport mengikut negeri menunjukkan, "Eksport pada bulan Mac 2023 menurun sebanyak RM1.85 bilion (-1.4%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Penurunan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih rendah oleh kebanyakan negeri iaitu W.P. Kuala Lumpur (-RM775.6 juta), Kedah (-RM730.3 juta), Sabah (-RM651.7 juta), Pahang (-RM637.9 juta), Terengganu (-RM405.1 juta), Perak (-RM366.0 juta), Johor (-RM242.9 juta) dan Kelantan (-RM71.0 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport meningkat di Sarawak sebanyak RM740.6 juta, Negeri Sembilan (+RM369.3 juta), W.P. Labuan (+RM293.6 juta), Pulau Pinang (+RM279.6 juta), Melaka (+RM165.7 juta), Selangor (+RM37.8 juta) dan Perlis (+RM6.2 juta)."

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Ketua Perangkawan memaklumkan, "Import pada bulan Mac 2023 juga menurun RM1.90 bilion (-1.8%) berbanding bulan yang

sama tahun sebelumnya. Penurunan import disebabkan oleh import yang lebih rendah oleh kebanyakan negeri iaitu Melaka (-RM4.1 bilion), Negeri Sembilan (-RM877.6 juta), Pulau Pinang (-RM701.5 juta), Kedah (-RM559.7 juta), Pahang (-RM450.3 juta), Selangor (-RM72.1 juta), W.P. Labuan (-RM18.9 juta) dan Sabah (-RM16.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai import meningkat di Johor sebanyak RM3.8 bilion, W.P. Kuala Lumpur (+RM619.8 juta), Sarawak (+RM262.4 juta), Terengganu (+RM192.0 juta), Perlis (+RM52.0 juta), Kelantan (+RM26.7 juta) dan Perak (+RM1.1 juta).”


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya memaklumkan “Antara lima negeri pengekspor utama, Pulau Pinang kekal sebagai pengekspor utama dengan sumbangan 31.9 peratus, diikuti oleh Johor (19.9%), Selangor (18.4%), Sarawak (8.2%) dan W.P. Kuala Lumpur (3.5%). Sementara itu, bagi import, Selangor merupakan penyumbang utama dengan 25.6 peratus, diikuti oleh Johor (23.4%), Pulau Pinang (22.2%), W.P. Kuala Lumpur (7.5%) dan Kedah (5.2%).”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”.

Carta 1: Data Siri Masa Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor, Mac 2022 – Mac 2023 (RM Bilion)



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Mac 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI, MAC 2023



▲ ▼ Semua perubahan berdasarkan perbandingan tahun-ke-tahun

Petunjuk: ■ Eksport ■ Import



5 NEGERI PENGESKPORT UTAMA

Lima negeri menguasai eksport negara dengan menyumbang **82.0** peratus



Nota:

- Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikaran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
- Nilai eksport atau import bagi W.P. Kuala Lumpur adalah termasuk W.P. Putrajaya.

Sumber: Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Mac 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
28 APRIL 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PRESS STATEMENT
FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE
MARCH 2023

**PULAU PINANG, JOHOR AND SELANGOR REMAINED AS THE MAIN
EXPORTERS CONTRIBUTING 70.2 PER CENT OF THE COUNTRY'S
TOTAL EXPORTS IN MARCH 2023**

PUTRAJAYA, 28th April 2023 – Pulau Pinang, Johor and Selangor remained as the main exporters contributing 70.2 per cent of the country's total exports in March 2023, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE, MARCH 2023**. Malaysia's total trade for March 2023 amounted to RM232.7 billion (-1.6% year-on-year) with exports of RM129.7 billion (-1.4% year-on-year) and imports worth RM103.0 billion (-1.8% year-on-year).

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said export performance by states has shown that, "Exports in March 2023 decreased RM1.85 billion (-1.4%) compared to the same month of the previous year. The decrease in exports was due to the lower exports in most states such as W.P. Kuala Lumpur (-RM775.6 million), Kedah (-RM730.3 million), Sabah (-RM651.7 million), Pahang (-RM637.9 million), Terengganu (-RM405.1 million), Perak (-RM366.0 million), Johor (-RM242.9 million) and Kelantan (-RM71.0 million). However, exports increased in Sarawak by RM740.6 million, Negeri Sembilan (+RM369.3 million), W.P. Labuan (+RM293.6 million), Pulau Pinang (+RM279.6 million), Melaka (+RM165.7 million), Selangor (+RM37.8 million) and Perlis (+RM6.2 million)."

Looking at the performance of imports by state, the Chief Statistician informed, “imports also decreased RM1.90 billion (-1.8%) in March 2023 compared to the same month of the previous year. The decrease in imports was due to the lower imports in most states such as Melaka (-RM4.1 billion), Negeri Sembilan (-RM877.6 million), Pulau Pinang (-RM701.5 million), Kedah (-RM559.7 million), Pahang (-RM450.3 million), Selangor (-RM72.1 million), W.P. Labuan (-RM18.9 million) and Sabah (-RM16.7 million). However, imports increased in Johor by RM3.8 billion, W.P. Kuala Lumpur (+RM619.8 million), Sarawak (+RM262.4 million), Terengganu (+RM192.0 million), Perlis (+RM52.0 million), Kelantan (+RM26.7 million) and Perak (+RM1.1 million).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, “Among the top five major exporting states, Pulau Pinang remained as the top exporter with a share of 31.9 per cent, followed by Johor (19.9%), Selangor (18.4%), Sarawak (8.2%) and W.P. Kuala Lumpur (3.5%). Meanwhile, as for imports, Selangor was the largest contributor with a share of 25.6 per cent, followed by Johor (23.4%), Pulau Pinang (22.2%), W.P. Kuala Lumpur (7.5%) and Kedah (5.2%).”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents to provide information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Time Series Data on Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor, March 2022 – March 2023 (RM Billion)





Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, March 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE, MARCH 2023



▲ ▼ All changes are based on year-on-year (y-o-y) comparison

Legend: ■ Export ■ Import



TOP 5 EXPORTERS

Five states dominate the country's exports, accounting for 82.0 per cent



Notes:

- Export and import activities that are taking place in the Supra area (including production activities beyond the centre of predominant economic interest for any state) or declarations made by the agent are not included in this infographic.
- Exports and imports value for the Federal Territory of Kuala Lumpur includes the Federal Territory of Putrajaya.

Source: Export Import Statistics By State March 2023, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIANS MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 APRIL 2023